

Kadar faedah stabil jamin pertumbuhan

UM - 4 SEP 2001

Oleh
MARHAINI KAMARUDDIN
dan FAUZI JAAFAR

KUALA LUMPUR 3 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tidak sewenang-wenangnya menaik-turunkan kadar faedah atau kadar tukaran mata wang untuk menjamin pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau yang juga Menteri Kewangan menegaskan, kerajaan sebaliknya mengkaji dan memperbaiki setiap segmen dalam ekonomi untuk memastikan ia terus berada di landasan yang betul.

"Jelas pendekatan Malaysia itu terbukti berjaya. Meskipun berhadapan dengan pelbagai tentangan, fundamental negara terus kukuh dan pemulihan penuh semakin ketara," katanya.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika

berucap merasmikan Sidang Kemuncak Pasaran Modal Malaysia 2001 anjuran Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan Institut Strategik dan Kepimpinan Asia (ASLI) di sini hari ini.

Mengulas perkara yang sama kepada pemberita selepas itu, Dr. Mahathir berkata:

"Kita tidak bermain dengan kadar faedah sebagai cara menyelesaikan masalah ekonomi. Di Malaysia, kita melihat pelbagai aspek ekonomi untuk mengambil langkah pemulihan dan tidak bergantung kepada satu faktor semata-mata."

Ditanya sama ada kadar faedah cukup rendah, katanya: "Saya fikir ia cukup rendah."

Sungguhpun mengakui kelembapan ekonomi Amerika Syarikat turut memberi kesan kepada Malaysia, Dr. Mahathir dalam ucapannya berkata, negara beruntung kerana mempunyai cukup ketahanan untuk menangkis akibat langsung daripadanya.

Perdana Menteri menarik perhatian selain perbandingan mata wang, faktor-faktor seperti produktiviti buruh, kestabilan politik dan sosial serta kecukupan infrastruktur asas juga penting dalam menjamin daya saing.

Justeru beliau menolak tanggapan bahawa penilaian semula kadar tukaran mata wang negara berbanding dolar Amerika Syarikat akan menjadikan produk tempatan lebih berdaya saing.

"Dalam mengurus ekonomi negara bukan hanya satu faktor yang boleh dimanipulasi untuk mendapatkan hasil positif.

"Sebaliknya kesilapan mengurus faktor utama ekonomi boleh membawa bencana sebenar. Oleh itu, penilaian semula mata wang boleh menyebabkan keruntuhan ekonomi," katanya.

Mengenai pasaran modal, Dr. Mahathir berkata, Malaysia terus menyediakan peluang pelaburan menyakinkan bagi mereka yang dapat melihatnya, melampaui agenda politik pihak-pihak tertentu.

"Kita telah melalui terlalu banyak perubahan dan percubaan sejak beberapa tahun lalu," katanya mengambil kira keupayaan negara memulihkan semula ekonomi selepas kegawatan teruk akibat serangan penyangak mata wang antarabangsa.

Hari ini, menurut Dr. Mahathir, Indeks Komposit BSKL kembali pada tahap menyakinkan biarpun perlu diakui ma-

sih ada beberapa syarikat yang berdagang di bawah nilai sebenar.

Secara amnya, beliau percaya para pelabur yang benar-benar mengenali Malaysia dan memahami fundamental ekonomi negara tidak meragui potensi pasaran modal Malaysia sekarang.

"Kita gembira melihat keyakinan pelabur kembali pulih.

"Lebih langgan bon kedaulatan Malaysia bernilai AS\$1 bilion (RM3.8 bilion) memberi petunjuk jelas terdapat sambutan baik untuk bon itu di luar negara yang secara tidak langsung memberi isyarat bahawa keyakinan pelabur sebenarnya tidak merosot," katanya.

Perdana Menteri menegaskan kerajaan serius dalam usahanya mewujudkan pasaran modal yang berdaya tahan, cekap dan mempunyai daya saing.

Pelan Induk Pasaran Modal yang dilancarkan Februari lalu antaranya meletakkan asas kesungguhan dan aspirasi kerajaan ke arah itu.

Dengan adanya pelan induk tersebut, kata beliau, Malaysia kini mempunyai hala tuju pasaran modal yang jelas, begitu juga bagi para pemegang saham.

Cadangan menyatukan

semua bursa tempatan pada 2002, tambahnya merupakan strategi untuk mewujudkan pasaran modal yang lebih kukuh pada masa depan.

"Ini akan membolehkan pasaran sekuriti dan niaga hadapan mengurus secara baik strategi pembangunan perniagaan masing-masing dan mempercepatkan usaha memperluas kedudukan strategik keseluruhan."

"Kewujudan satu bursa akan membenarkan pendekatan lebih terancang untuk pembangunan produk, pendidikan pelabur dan promosi pasaran," katanya.

Dari segi persaingan antarabangsa, Perdana Menteri yakin ia mampu menggalakkan pakatan strategik dalam pelbagai bidang perniagaan melalui pengukuhan kedudukan berbanding usaha yang dibuat secara bersendirian.

Beliau membayangkan penyenaian pasaran ekuiti Malaysia akan diperluaskan kepada syarikat asing.

Dr. Mahathir berpendapat penubuhan satu bursa pada 2003 tidak ragu-ragu lagi akan menjadi tanda aras dalam sejarah pembangunan pasaran modal di Malaysia.